

23 APR 2002

GHANI-PERUBATAN

JOHOR TEROKA PASARAN PELANCONGAN PERUBATAN DI ASIA BARAT

JOHOR BAHRU, 23 April (Bernama) -- Johor akan memasarkan kepakaran khidmat perubatan, pengurusan hospital dan pelancongan perubatan ke negara-negara Asia Barat, satu peluang dalam bidang baru yang menjanjikan potensi yang besar bagi Malaysia selepas tragedi 11 Sept di Amerika Syarikat.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata Johor berkeupayaan menawarkannya melalui Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) yang mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang-bidang itu, termasuk pengalaman membina bangunan dan prasarana hospital.

"Selain kemudahan 10 buah hospital pakar yang kita ada di seluruh negara, KPJ juga mempunyai kekuatan dalam bidang latihan jururawat di kolej-kolej kita bagi memenuhi permintaan pasaran perubatan di Asia Barat," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Abdul Ghani yang baru semalam pulang daripada mengikuti rombongan lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke tiga negara Asia Barat minggu lepas, berkata beliau melihat peluang yang luas bagi KPJ dalam bidang itu.

Katanya, selepas tragedi 11 Sept, banyak pesakit dari negara Arab termasuk Maghribi, Bahrain dan Libya yang dilawatinya, yang sebelum ini ke Eropah dan Amerika Syarikat untuk berubat kini berminat mengubah hala ke negara-negara di rantau ini.

Beliau berkata secara khusus, KPJ boleh menawarkan kepada negara-negara Timur Tengah kepakaran dan khidmat dalam membina hospital, menyediakan prasarana klinik dan perubatan, khidmat perubatan pakar, menguruskan hospital dan melatih jururawat.

"Contohnya Libya, yang kaya dengan hasil minyak yang kini berminat membuka peluang pelaburan asing, menjanjikan potensi bagi kita dalam bidang ini," katanya, yang menambah bahawa negara itu akan menghantar rombongan pegawainya meninjau dasar-dasar Malaysia termasuk mengenai ekonomi.

Mengenai pelancongan perubatan, Abdul Ghani berkata KPJ akan berunding dengan agensi-agensi pelancongan di negara-negara Asia Barat untuk menyediakan pakej yang sesuai bagi membolehkan pesakit dan keluarga mereka dari sana datang ke Malaysia untuk berubat di samping melancong.

Sebelum itu, ketika merasmikan seminar "Memartabatkan Ekonomi Islam" dan mesyuarat agung pertama Dewan Perdagangan Islam Malaysia cawangan Johor, Menteri Besar berkata masyarakat perdagangan Muslim di negara ini wajar berusaha mewujudkan rangkaian perdagangan Muslim di peringkat global.

Katanya, rangkaian itu akan menjadikan usahawan Muslim satu kelompok yang besar yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat perdagangan lain, di samping mengenalpasti sumber bekalan dan peluang pasaran sesama usahawan Islam sejagat.

Abdul Ghani berkata ke arah penubuhan rangkaian global itu, usahawan Muslim di negara ini perlu merasa terpacu untuk mengambil inisiatif bersama menggerakkannya supaya menjadi kenyataan.

Beliau tidak mahu melihat tabiat lama terus wujud di kalangan usahawan Muslim seperti hasad dengki dan menjatuhkan saingan secara tidak sihat, sebaliknya menggesa agar usahawan yang berjaya membantu pula usahawan baru dan seterusnya supaya wujud rangkaian kerjasama besar yang kukuh dan berpanjangan bagi faedah kekuatan ekonomi umat Islam.

"Pentingnya umat Islam menguasai ekonomi dan teknologi sekarang adalah supaya suara kita untuk membantu umat Islam lain yang tertindas diberi

perhatian dan dipandang serius oleh orang lain," katanya, yang menambah bahawa dengan kekayaan yang dimiliki oleh negara-negara Islam seharusnya wujud negara kuasa dunia di kalangan negara Islam.

Seminar sehari yang membentangkan empat kertas kerja itu dihadiri oleh 150 anggota Dewan Perdagangan Islam Malaysia Negeri Johor (DPIMNJ), yang bertujuan meningkatkan kefahaman usahawan Muslim mengenai peranan yang boleh mereka laksanakan untuk meningkatkan martabat ekonomi Islam.

Seminar itu dianjurkan oleh DPIMNJ, yang dilancarkan pada 18 Jun 2001 dengan kerjasama Kelab Bisnes dan Industri Johor (Bistari) yang ditubuhkan oleh Johor Corporation pada tahun 1992.

-- BERNAMA

MNY NHD